

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)29

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

29. Huraikan kedudukan kewangan semasa Kerajaan Negeri.
- (a) Jelaskan strategi baru untuk mempelbagaikan pendapatan baru.
 - (b) Huraikan perbezaan perbelanjaan pengurusan dan pembangunan berbanding bajet yang diluluskan.
 - (c) Perincikan peruntukan Persekutuan untuk Kerajaan Negeri bagi tahun 2023 dan 2024.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

29. Pada dasarnya, kedudukan kewangan negeri adalah stabil. Sehingga 30 April 2024, Kerajaan Negeri mencatatkan terimaan hasil sebanyak RM258.72 juta, berbanding perbelanjaan berjumlah RM235.19 juta untuk tempoh yang sama. Oleh itu, terdapat lebih pendapatan atau surplus sebanyak RM23.53 juta. Namun begitu, berdasarkan belanjawan negeri yang telah dibentang dan diluluskan Dewan Undangan Negeri pada bulan November 2023, Kerajaan Negeri menjangkakan defisit

sebanyak RM514.52 juta. Hal ini kerana komitmen perbelanjaan Kerajaan Negeri ke arah kesejahteraan rakyat sentiasa diutamakan memandangkan hampir 60% komponen perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri adalah melibatkan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap yang antara lain merangkumi peruntukan ke atas Program i-Sejahtera, pengangkutan awam serta program dan projek mesra rakyat. Oleh itu, Kerajaan Negeri menguatkuasakan strategi pengurangan unjuran defisit bajet negeri tahun 2024 melalui langkah-langkah kawalan dalaman dan penjimatan dalam perbelanjaan, tanpa menjejaskan program/projek berimpak kepada rakyat.

(a) Strategi baru untuk mempelbagaikan pendapatan baru:

(i) Melaksanakan Semakan Cukai Tanah Di Bawah Seksyen 101 Kanun Tanah Negara (Akta 828)

1) Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mempunyai bidang kuasa untuk menyemak cukai sewa (tanah) bagi tanah bermilik tidak kurang daripada 10 tahun sekali. Cukai tanah di negeri

Pulau Pinang telah disemak pada tahun 1970, 1984 dan 1994; dan

- 2) Kali terakhir semakan di negeri Pulau Pinang ialah pada tahun 1994 tetapi hanya ianya berkuatkuasa pada tahun 1996. Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mempunyai bidang kuasa untuk menyemak cukai sewa (tanah) bagi tanah bermilik tidak kurang daripada 10 tahun sekali. Cukai tanah di Negeri Pulau Pinang telah disemak pada tahun 1970, 1984 dan 1994. Kali terakhir semakan di Negeri Pulau Pinang ialah pada tahun 1994 tetapi hanya ianya berkuatkuasa pada tahun 1996.
- (ii) Pelaksanaan Rebat Bagi Bayaran Tunggakan Denda
- Seksyen 14(1)(j) Akta 828 membenarkan PBN untuk membuat peruntukan mengenai pemungutan, pengurangan, perebatan, pembayaran secara ansuran atau penangguhan berkaitan pembayaran cukai. Cadangan rebat bagi bayaran tunggakan denda ini merupakan salah satu langkah yang boleh

diambil untuk mengurangkan tunggakan hasil negeri Pulau Pinang dan menggalakkan pemilik tanah untuk membayar cukai.

- (iii) Pelaksanaan Portal PgLAND (Telah dan sedang dilaksanakan)

Portal PgLand telah dilancarkan pada 3 Januari 2023. Melalui portal PgLAND ini, orang awam dapat melaksanakan pembayaran cukai tanah dan cukai petak, melakukan pembelian dokumen carian persendirian dan rasmi secara atas talian, urusan perserahan dan sebagainya pada bila-bila masa.

- (iv) Pengkelasan Semula Tanah Desa Ke Tanah Bandar

Melihat semula pewartaan bandar-bandar di Pulau Pinang dan mewartakan bandar-bandar baharu di bawah Seksyen 11 (D) Kanun Tanah Negara (Akta 828) dan pindaan bandar sedia ada di bawah Seksyen 11 (CA) Kanun Tanah Negara (Akta 828).

- (v) Bengkel Semakan Kadar, Prosedur Kutipan Hasil dan Mengenalpasti Isu-Isu Melibatkan Tunggakan

dan Pengurangan Hasil Negeri Pulau Pinang Melibatkan Ketua Jabatan/Agensi Negeri dan Pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang terlibat secara langsung dengan tatakelola hasil negeri Pulau Pinang:

- 1) Objektif bengkel adalah seperti berikut:
 - a) Meneliti punca kuasa berkaitan kadar hasil yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri;
 - b) Membincangkan garis panduan / *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi proses kutipan hasil Kerajaan Negeri; dan
 - c) Meneliti dan mencadangkan penyelarasan kepada isu-isu yang melibatkan tunggakan dan pengurangan hasil negeri.
- 2) Agenda utama bengkel ini akan difokuskan kepada aspek-aspek seperti berikut:

- a) Inisiatif pengecualian denda lewat dan pemberian diskaun tunggakan cukai tanah;
- b) Semakan semula aktiviti hiburan yang boleh dikenakan duti hiburan;
- c) Memperluas skop aktiviti bagi duti hiburan;
- d) Meningkatkan penguatkuasaan kutipan hasil tanah dan tunggakan hasil tanah;
- e) Meningkatkan keupayaan perkhidmatan pembayaran *online*;
- f) Kajian yang lebih mendalam terhadap Semakan Kaedah-Kaedah Tanah serta pelaksanaan Cukai Tanah Petak;
- g) Semakan semula fi dan penambahbaikan terhadap peraturan sedia ada; dan
- h) Meneroka potensi perlombongan *dolomite* serta industri berkaitan *dolomite*.

- (b) Definisi Perbelanjaan Mengurus: Sebuah perbelanjaan semasa Kerajaan yang berulang-ulang pada setiap tahun untuk membolehkan pengurusan dan pentadbiran harian kerajaan dapat beroperasi dengan lancar dan berkesan. Ini termasuk perbelanjaan bagi emolumen dan penyelenggaraan.

Definisi Perbelanjaan Pembangunan: Perbelanjaan pelaburan kerajaan dalam projek-projek pembangunan ekonomi negara dan mempunyai tempoh masa yang agak panjang serta melibatkan sesi pembuatan keputusan yang rumit.

Bagi tahun 2024, daripada RM1.047 billion yang diluluskan Dewan Undangan Negeri pada November 2023, sejumlah RM240 juta diperuntukkan bagi caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan Negeri bagi menampung kos pelaksanaan projek-projek Pembangunan negeri tahun 2024. Manakala, sejumlah RM20.553 juta bagi Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024. Kerajaan

Persekutuan juga dijangka akan menyalurkan sejumlah RM1.050 juta bagi pelaksanaan *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT).

- (c) Perincian peruntukan Persekutuan untuk Kerajaan Negeri bagi tahun 2023 dan 2024:

Bil	Jenis Pemberian	2023 (RM)	2024 (RM)
1	Pemberian Mengikut Bilangan Kepala	25,558,020.00	12,852,540.00
2	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10%	6,206,820.24	
3	Pemberian Pertambahan Hasil	12,015,110.00	
4	Pemberian Membiayai Perbelanjaan Mengurus Di	22,298,451.19	

	Bawah Senarai Bersama (JKM, JPV, JPS, JPBD, MSN)		
5	Pemberian Pelancongan	1,350.30	
6	Peruntukan Bagi Inisiatif Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Tapak Warisan Dunia Di Bawah UNESCO	25,000,000.00	
7	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup	20,553,000.00	20,553,000.00

8	Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS)	210,952,060.00	52,798,014.00
9	Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity Conservation (EFT)	3,087,606.00	
10	Pelaksanaan Inisiatif Projek Jaminan Makanan, Pelancongan serta Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar	-	